



# Lembaga Minyak Sawit Malaysia

## MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

Bil. Tuan / Your Ref.:

Bil. Kami / Our Ref (4) 04 / C / P / 656 / 2 / 2006 / Jil 2

HARI BERTEMU PELANGGAN  
SETIAP JUMAAT MINGGU KE-3 SETIAP BULAN  
Tempat: Tingkat 4, Bahagian Pelesenan dan Penguatuasaan  
Wisma Sawit, MPOB Kelana Jaya  
Masai: 9.00 pagi - 12.00 tgh. &  
3.00 pagi - 4.00 plg.

28 Jun 2006

Semua Pengeksport Keluaran Oleokimia  
Semua Kilang Oleokimia

Pk(EQ)MPOB 03/2006

Tuan,

### **PEKELILING PENGUATKUASAAN MPOB UNTUK PENGHANTARAN MAKLUMAT PENDAFTARAN KONTRAK DAN PENGISYTIHARAN MUTU EKSPORT (MPOB Q1) UNTUK KELUARAN OLEOKIMIA SECARA ELEKTRONIK**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Pihak Pengurusan MPOB telah membangunkan sistem e-oleo yang membolehkan pihak tuan membuat kemasukan/kemaskini maklumat pendaftaran kontrak dan pengisytiharan mutu kelapa sawit ekport (MPOB Q1) secara *on-line* melalui browser. Sistem e-oleo ini akan mula digunakan sepenuhnya mulai bulan 01 Julai 2006.

3. Sehubungan itu, pihak tuan boleh menghantar maklumat-maklumat yang diperlukan secara *on-line* dialamat internet seperti dibawah:

<http://e-oleo.mpob.com.my>

4. Dengan cara penghantaran maklumat secara elektronik dapat memudahkan kerja-kerja penghantaran maklumat kepada Lembaga mengikut masa seperti yang diperuntukan di dalam syarat lesen yang dikenakan di bawah Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005, Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Mutu) 2005 dan Pendaftaran Kontrak di bawah subperaturan 3(4) Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pendaftaran Kontrak) 2005.

Berikut kami lampirkan:

Pekeling Penguatuasaan Pk(EQ) MPOB 03/06 dengan tarikh kuatkuasa 15 Julai 2006

Sekian untuk perhatian tuan.

Terima kasih.

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "DR. MOHD. BASRI WAHID".

**DR. MOHD. BASRI WAHID**  
**KETUA PENGARAH**  
**MPOB**

Jabatan Pendaftaran dan Pelesenan  
Wisma Sawit

Jalan 17/2, Bandar Baru Petaling, 57100 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: (03) 9061 6760 Fax: (03) 9061 6761  
E-mail: [mpob@mpob.com.my](mailto:mpob@mpob.com.my) Web: <http://e-oleo.mpob.com.my>



## BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN PEKELILING PENGUATKUASAAN MPOB

Rujukan Pekeliling Penguatkuasaan : Pk(EQ)MPOB 03 /06  
Tarikh Kuatkuasa : 15 Julai 2006  
Perkara : Penghantaran Maklumat Pendaftaran Kontrak dan Pengisytiharan Mutu Eksport MPOB Q1 untuk oleokimia sawit secara elektronik.

### 1. TUJUAN

Memaklumkan arahan pelaksanaan Pendaftaran Kontrak Antarabangsa oleokimia sawit dan Pengisytiharan Mutu Eksport MPOB Q1 bagi oleokimia sawit secara elektronik.

### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pengisytiharan mutu eksport semua keluaran kelapa sawit termasuk keluaran oleokimia adalah tertakluk di bawah subperaturan 4(1) Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia ( Mutu ) 2005 dan Per. 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia ( Pelesenan ) 2005. Pengisytiharan ini hendaklah lengkap, benar dan tepat dan boleh dibuat secara manual atau elektronik.
- 2.2 Selain daripada Pengisytiharan Mutu Eksport (MPOB Q1) pelesen juga dikehendaki membuat Pendaftaran Kontrak di bawah subperaturan 3(4) Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pendaftaran Kontrak) 2005.
- 2.3 Satu sistem yang mengintegrasikan penghantaran kedua-dua maklumat Pendaftaran Kontrak dan Pengisytiharan Mutu Eksport (MPOB Q1) telah disediakan secara *online* dan boleh mula digunakan sepenuhnya mulai 15 Julai 2006.

### 3. CARA PELAPORAN MAKLUMAT KELUARAN OLEOKIMIA

- 3.1 Satu sistem penghantaran kedua-dua maklumat Pendaftaran Kontrak dan Pengisytiharan Mutu Eksport (MPOB Q1) oleokimia sawit secara online boleh dicapai melalui alamat internet <http://e-oleo.mpob.com.my>
- 3.2 Melalui sistem yang baru pelesen (pengeksport, kilang dan peniaga oleokimia sawit ) akan membuat penghantaran kontrak dan pengisytiharan mutu lebih awal. Sebarang pindaan maklumat berikut:
  - pindaan maklumat pendaftaran kontrak kepada Unit Pembangunan Perdagangan , bahagian Ekonomi dan Pembangunan Industri
  - pindaan maklumat pengisytiharan mutu eksport kepada pejabat pelabuhan terdekat atau Unit Kawalan Mutu , Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan.



## **BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN PEKELILING PENGUATKUASAAN MPOB**

- 3.3 Pengisytiharan spesifikasi oleokimia boleh diringkaskan mengikut katalog jika pihak uan/puan telah mengemukakan katalog yang terkini kepada pihak Unit Kawalan Mutu, Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan terlebih dahulu. Sebarang pindaan kepada katalog/jadual spesifikasi mutu keluaran oleokimia sawit hendaklah dimaklumkan kepada Unit Kawalan Mutu, Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan ke alamat di bawah sebelum mula digunakan:-

Ketua Pengarah  
Lembaga Minyak Sawit Malaysia  
Lot 6, SS 6 Jalan Perbandaran  
47301 Kelana Jaya  
Selangor.  
(u.p. Ketua Unit Kawalan Mutu, Bahagian Pelesenan & Penguatkuasaan)

Bagi ahli-ahli MOMG, ahli-ahli persatuan berkenaan telah mengemukakan katalog ahli-ahli mereka melalui surat bertarikh 21 April 2006.

### **4. PEMAKAIAN**

Pekeliling Penguatkuasaan ini adalah terpakai kepada semua pelesen MPOB untuk kategori peniaga , pengeksport dan kilang oleokimia sawit.

### **5. TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling Penguatkuasaan MPOB ini mula berkuatkuasa pada 15 Julai 2006.

### **6. PENGESAHAN DAN KELULUSAN**

Surat pekeliling ini diluluskan oleh Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

**DR. MOHD. BASRI WAHID)  
KETUA PENGARAH  
MPOB**